

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### INSENTIF PENGURANGAN KOMPAUN BAGI PERMOHONAN PEMBATALAN SYARIKAT DI BAWAH SEKSYEN 549/550 AKTA SYARIKAT 2016

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Insentif Pengurangan Kompaun bagi syarikat yang memohon pembatalan syarikat menurut seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016.	<p>Insentif ini merupakan inisiatif prihatin SSM dalam membantu syarikat yang sedang menghadapi masalah kewangan akibat pandemik Covid 19.</p> <p>Melalui insentif ini, komuniti korporat layak menikmati pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun.</p>
2.	Apakah tujuan insentif ini diadakan?	<p>Tujuan insentif ini diadakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Memberi dorongan kepada komuniti korporat untuk membuat permohonan pembatalan syarikat sekiranya syarikat mereka tidak lagi beroperasi atau menjalankan sebarang aktiviti perniagaan; dan</li><li>(b) Memastikan hanya 'syarikat aktif' yang berada di dalam rekod daftar SSM.</li></ul>
3.	Bilakah tarikh mula berkuatkuasa insentif pengurangan kompaun 90% ini?	Insentif ini akan mula dilaksanakan berkuatkuasa pada 17 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2020 (Dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021).

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Siapakah yang layak mendapat pengurangan kompaun 90%?	Syarikat dan Pengarah Syarikat yang telah memohon / diambil tindakan pembatalan syarikat menurut peruntukan di bawah seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016.
5.	Apakah jenis-jenis kesalahan di bawah Akta Syarikat yang layak mendapat pengurangan 90% ini?	Kadar pengurangan kompaun 90% ini terpakai kepada semua kompaun yang telah ditawarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Akta Syarikat 2016 (AS 2016).
6.	Apakah jenis kompaun yang tidak layak mendapat pengurangan sebanyak 90% di bawah insentif ini?	<p>(a) Kompaun bagi penyelesaian Luar Mahkamah atau Kertas Siasatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendakwaan &amp; Litigasi serta Pejabat Negeri / Cawangan; dan</p> <p>(b) Kompaun yang dianggap oleh Timbalan Pendakwa Raya SSM sebagai kesalahan tadbir urus korporat yang serius.</p>
7.	Bagaimana sekiranya syarikat telah diambil tindakan / memohon permohonan pembatalan syarikat (Seksyen 549 / 550 AS 2016) sebelum 17 Ogos 2020, adakah masih boleh menikmati pengurangan 90% tersebut?	Ya, syarikat atau pengarah syarikat layak menikmati pengurangan kompaun maksimum 90%.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
8.	Adakah syarikat yang sedang dalam proses pembubaran / pengulungan, layak untuk menikmati pengurangan sebanyak 90% di bawah insentif ini?	Tidak, syarikat yang sedang dalam proses pembubaran / pengulungan, tidak layak mendapat pengurangan 90%.
9.	Sekiranya syarikat telah diberi pengurangan sebelum ini dan sekarang syarikat ingin memohon pembatalan nama syarikat, adakah syarikat boleh mendapatkan pengurangan 90%?	Boleh, syarikat boleh mendapat pengurangan 90% sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kompaun yang telah diberi pengurangan terdahulu masih belum dijelaskan; dan</li> <li>(b) Kadar pengurangan 90% adalah dikira dari amaun kompaun asal dan bukan dari kadar pengurangan terdahulu.</li> </ul>
10.	Apakah yang akan terjadi kepada kompaun yang telah mendapat pengurangan tetapi tidak dijelaskan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Permohonan pembatalan nama syarikat tidak diluluskan; dan</li> <li>(b) Amaun kompaun tersebut akan kembali ke amaun asal setelah tamat tempoh dan tindakan penguatkuasaan akan diambil.</li> </ul>
11.	Sekiranya syarikat tidak memohon pembatalan syarikat (s549/s550) berapakah kadar pengurangan yang akan diperolehi?	Kadar pengurangan kompaun tersebut adalah ditentukan atau tertakluk kepada budibicara Timbalan Pendakwa Raya SSM.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
12.	Apakah yang akan terjadi sekiranya syarikat menarik semula permohonan pembatalan syarikat setelah pengurangan kompaun 90% dijelaskan.	<p>Syarikat akan dikehendaki untuk mengemaskini Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan terkini dalam tempoh 60 hari dari tarikh kelulusan permohonan menarik balik pembatalan syarikat diluluskan.</p> <p>Gagal berbuat demikian, tindakan penguatkuasaan akan diambil kepada syarikat dan pengarah.</p>
13.	Siapakah yang boleh membuat Permohonan pengurangan kompaun?	Syarikat, pengarah, setiausaha syarikat atau wakil syarikat.
14.	Adakah surat rayuan diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan kempen ini?	Surat rayuan tidak diperlukan. Pemohon hanya perlu menunjukkan resit bayaran permohonan pembatalan syarikat / surat kueri dari Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran (BPP) / notis di bawah seksyen 551 AS 2016.
15.	Bagaimana komuniti korporat boleh membuat semakan status kompaun?	<p>(a) Permohonan melalui emel <a href="mailto:ar_compliance@ssm.com.my">ar_compliance@ssm.com.my</a>;</p> <p>(b) Talian hot-line kompaun (Ibu Pejabat): 03- 2299 5334 atau Pusat Panggilan SSM: 03-7721 4000;</p> <p>(c) Semakan atas talian di laman rasmi SSM, E-compound (<a href="https://www.ssm.com.my/Pages/Quick_Link/e-Compound.aspx">https://www.ssm.com.my/Pages/Quick_Link/e-Compound.aspx</a>);</p> <p>ezBiz Online (<a href="https://ezbiz.ssm.com.my">https://ezbiz.ssm.com.my</a>);</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		(d) Semakan di mana-mana pejabat SSM seluruh Malaysia.
16.	Dimanakah pembayaran kompaun yang telah diberi pengurangan boleh dilakukan?	<p>Pembayaran boleh dilakukan di mana-mana pejabat SSM yang berhampiran di seluruh Malaysia dan juga melalui secara dalam talian ezBiz Online <a href="https://ezbiz.ssm.com.my">https://ezbiz.ssm.com.my</a></p> <p>Pembayaran melalui ezBiz Online hanya boleh dilakukan oleh individu yang telah berdaftar sebagai pengguna ezBiz.</p>
17.	Di manakah saya boleh memohon pengurangan kompaun semasa insentif ini?	Individu atau wakil syarikat boleh hadir di Kaunter Penguatkuasaan di Tingkat 13 Menara SSM@Sentral, atau mana-mana Kaunter Penguatkuasaan Pejabat Negeri SSM kecuali di Kaunter UTC dan Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (Putrajaya).
18.	Apakah kaedah bayaran kompaun yang diterima oleh SSM?	Bayaran kompaun boleh dilakukan samada secara tunai atau menggunakan cek Syarikat Pengurusan, bank draf, kad debit/kredit, wang pos atau kiriman wang ke alamat <b>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA</b> dan secara online melalui ezBiz.
19.	Adakah cek persendirian diterima oleh SSM untuk membayar kompaun?	Tidak kecuali cek syarikat pengurusan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
20.	Adakah terdapat garis panduan yang boleh dirujuk untuk membuat permohonan pemotongan nama syarikat di bawah seksyen 550 AS 2016?	Ya. Sila rujuk garis panduan pemotongan nama ' <i>GUIDELINES ON APPLICATION BY DIRECTORS OR MEMBERS TO STRIKE OFF THE NAME OF A COMPANY UNDER SECTION 550 OF THE COMPANIES ACT 2016</i> ' bertarikh 19 April 2019 di laman sesawang SSM <a href="https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Companies-Act-2016.aspx">https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Companies-Act-2016.aspx</a> .

(Dikemas kini pada 1 Jun 2021)